

HOKI

1.0 PERATURAN TEKNIKAL

1.1 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

1.2 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

1.2.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang trekandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) yang sedang dikuatkuasakan.

1.2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

1.2.3 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

1.2.3.1 Semua kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am MASUM.

1.2.4 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-undang Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH).

2.0 PENYERTAAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 4.0).

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN DAN PEGAWAI

3.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar di dalam Borang Pendaftaran Perlawanan seramai 20 orang pemain dan tiga (3) orang pegawai seperti berikut:-

3.1.1	Pemain	-	20 orang lelaki dan 20 orang wanita
3.1.2	Pengurus	-	Seorang (1)
3.1.3	Jurulatih	-	Seorang (1)
3.1.4	Doktor atau Fisioterapi	-	Seorang (1)

3.2 Bagi setiap perlawanan hanya 2 pegawai sahaja yang dibenarkan duduk di bangku simpanan. Mereka adalah:

- 3.2.1 Pengurus atau Penolong Pengurus
- 3.2.2 Jurulatih atau Penolong Jurulatih
- 3.2.3 Doktor atau Fisioterapi

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kejemilanan Sukan Universiti



- 3.3 Borang Pendaftaran Pemain dan Borang Pendaftaran Perlawanan
 - 3.3.1 Borang Pendaftaran Pemain yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh Pengurus Pasukan kepada pihak Jawatankuasa Pengelola sebelum tarikh akhir yang telah ditetapkan. Sebarang pertukaran pemain tidak dibenarkan selepas tarikh berkenaan tersebut.
 - 3.3.2 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah diserahkan kepada pegawai teknikal yang bertugas di meja teknikal 15 minit sebelum perlawanan dimulakan dengan dinyatakan kesebelasan pertama serta ketua pasukan.
 - 3.3.3 Hanya pemain yang berdaftar di dalam **Borang Pendaftaran Pemain** sahaja dibenarkan mendaftar di dalam **Borang Pendaftaran Perlawanan**.
 - 3.3.4 Setiap perlawanan boleh dijalankan dengan minimum 8 orang pemain untuk pasukan yang terlibat.
 - 3.3.5 Semua borang hendaklah ditandatangani dan disahkan oleh Pengarah Sukan atau Ketua Unit Sukan Universiti berkenaan.

4.0 PAKAIAN DAN WARNA PASUKAN

- 4.1 Setiap pasukan diminta menyediakan dua (2) set pakaian pasukan yang berlainan warna. Pakaian warna ini hendaklah meliputi seperti berikut:
 - 4.1.1 Baju
 - 4.1.2 Seluar
 - 4.1.3 Stokin
 - 4.1.4 Baju Penjaga Gol
- 4.2 Nombor jersi mestilah terdiri daripada nombor satu (1) hingga nombor (32) sahaja.
- 4.3 Sekiranya pengadil mendapati kedua-dua pasukan dalam sesuatu perlawanan memakai jersi yang mengelirukan atau warna yang sama, maka 'first mention team' di dalam jadual pertandingan wajib menukar warna jersi mereka.
- 4.4 Penjaga Gol atau mana-mana pemain yang bermain sebagai penjaga gol perlu memakai Pelindung Badan (*Full Body Protector*) sepanjang perlawanan termasuk semasa mempertahankan *penalty strokes*.
- 4.5 Ketua pasukan perlu memakai *arm-band/ribbon*.
- 4.6 Semua pemain kecuali penjaga gol diwajibkan memakai '*full-sized shin guard*' ketika bermain.
- 4.7 Pakaian yang sesuai untuk pemain hoki.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kejemilangn Sukan Universiti



5.0 PENGADIL

Pengadil yang bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bermula daripada pusingan awal hingga ke perlawanan akhir.

6.0 TEMPAT PERTANDINGAN DAN NOMBOR PERTUKARAN

Tempat pertandingan disediakan dan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh (FIH)

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 10).

8.0 CARA MENENTUKAN KEPUTUSAN LIGA/ PERLAWANAN

8.1 Secara Liga / Pusingan Awal

8.1.1 Pemberian mata.

Menang	-	3 mata
Seri	-	1 mata
Kalah	-	0 mata

8.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

8.1.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira pemenang.

8.1.2.2 Jika masih sama, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira pemenang.

8.1.2.3 Jika masih sama, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya dalam perlawanan awal akan dikira pemenang.

8.1.2.4 Jika masa sama, pemenang akan ditentukan melalui sistem pukulan penalti 'shoutout' (Perkara 8.3)

8.2 Separuh Akhir / Akhir

8.2.1 Perlawanan separuh akhir akan dijalankan secara kalah keluar. Jika kedudukan seri selepas sepenuh masa tamat, sistem pukulan penalti 'shootout' (Perkara 8.3) akan dijalankan.

8.2.2 Pasukan yang kalah diperingkat separuh akhir akan bermain untuk tempat ke-3 / ke-4. Jika kedudukan seri selepas sepenuh masa tamat, sistem pukulan penalti 'shoutout' (Perkara 8.3) akan dijalankan.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kejemilangn Sukan Universiti



8.2.3 Bagi perlawanan akhir, jika kedudukan seri selepas sepenuh masa tamat. Maka pemenang akan ditentukan secara sistem penalti 'shoutout'.

8.3 Sistem Pukulan Penalti 'Shoutout'

8.3.1 Semua pemain yang didaftarkan dalam perlawanan tersebut adalah layak untuk mengambil pukulan penalti dan pemain yang sedang menerima hukuman pergantungan tidak boleh didaftarkan.

8.3.2 Pengurus pasukan bertanggungjawab untuk mendaftar lima (5) orang pemain untuk mengambil pukulan dari tanda penalti yang akan dijalankan secara berselang seli.

8.3.3 Pengadil akan memutuskan gol mana pukulan penalti akan dijalankan.

8.3.4 Pengadil akan membuat undian untuk menentukan pasukan mana yang akan memulakan pukulan penalti terlebih dahulu.

8.3.5 Sekiranya keputusan masih seri selepas siri pertama pukulan penalti diambil, maka siri kedua pukulan penalti akan diteruskan secara 'sudden death' dengan menggunakan pemain yang sama (Perkara 9.3.2) tanpa mengikut turutan/turutan sehingga pemenang dapat ditentukan.

8.3.6 Pemain yang didaftarkan untuk mengambil pukulan penalti sahaja dibenarkan berada di kawasan 25 ela (23 meter).

8.3.7 Penjaga gol boleh ditukar pada bila-bila masa sahaja dengan pemain-pemain yang berdaftar (Perkara 8.3.2) sahaja semasa pukulan penalti itu dijalankan.

9.0 MASA PERMAINAN

9.1 15 minit X 2 minit X 15 minit X 10 minit X 15 minit X 2 minit X 15 minit untuk semua peringkat (pusingan awal / suku akhir / separuh akhir/ tempat 3 & 4 / akhir).

9.2 Tiada hentian masa akan digunakan semasa pengambilan 'Short Corner'. Namun pengadil kejohanan mempunyai budi bicara untuk menetapkan perkara tersebut.

10.0 KELEWATAN DAN KETIDAK HADIRAN

10.1 Hanya 15 minit sahaja diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan jaringan 3-0.

10.2 Sekiranya sesuatu pasukan tidak hadir/tidak bermain pada sesuatu perlawanan, tindakan tatatertib akan diambil oleh Jawatankuasa Teknikal/Pengelola.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kejemilanan Sukan Universiti



11.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

- 11.1 Sekiranya jawatankuasa teknikal/ pengadil berpendapat bahawa venue kejohanan tidak sesuai untuk dijalankan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal/Pengelola.
- 11.2 Jika perlawanan ditunda disebabkan oleh Perkara 12.1 dan perlawanan telah berlangsung di suku masa yang pertama, maka perlawanan penundaan akan disambung dengan suku masa yang kedua dan seterusnya sehingga selesai.
- 11.3 Jika perlawanan ditunda disebabkan oleh Perkara 12.1 dan perlawanan telah berlangsung di suku masa yang kedua, maka tiada perlawanan penundaan akan disambung dan keputusan yang dicatatkan pada suku masa tersebut akan diambil kira sebagai keputusan rasmi perlawanan.

12.0 PERTUKARAN/PENGGANTIAN PEMAIN

- 12.1 Pemain boleh diganti dan dimasukkan semula pada bila-bila masa sesuatu perlawanan terhadap pemain yang didaftarkan ('rolling substitution').
- 12.2 Masa permainan hanya akan dihentikan sekiranya:-
 - 12.2.1 Pertukaran pemain yang tercedera parah atau kehilangan keupayaan untuk bermain.
 - 12.2.2 Pertukaran penjaga gol.
- 12.3 Semua pertukaran pemain hendaklah dilakukan dihadapan meja teknikal dan dikawalselia oleh Pegawai Teknikal yang bertugas.
- 12.4 Sekiranya pertukaran pemain adalah dengan ketua pasukan, pasukan berkenaan tidak perlu melantik seorang daripada pasukannya yang berada di dalam padang untuk menggantikan ketua pasukan melainkan pergantungan.

13.0 TINDAKAN TATATERTIB

- 13.1 Semua pemain/pegawai adalah dilarang mengeluarkan kata-kata kesat dan berkelakuan kurang sopan terhadap pengadil/Pegawai Teknikal semasa di dalam dan diluar padang. Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada sesiapa yang melanggar peraturan ini.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kejemilangn Sukan Universiti



13.2 Berikut adalah mata demerit yang dikuatkuasakan untuk tindakan disiplin mengikut jenis-jenis kad tersebut:-

Kad hijau	:	2 mata
Kad kuning	:	4 mata
Kad merah	:	8 mata

13.3 Berikut adalah tindakan disiplin mandatori berdasarkan pungutan mata demerit yang diperolehi:-

8 hingga 10 mata demerit	:	di gantung 1 perlawanan
12 hingga 14 mata demerit	:	di gantung 2 perlawanan.
Kad merah dan 16 mata demerit ke atas	:	Pergantungan pemain adalah tertakluk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal/ Pegeloa dan jawatankuasa tatatertib yang akan diadakan secepat mungkin.

13.4 Semua penggantungan adalah berjalan serta merta (automatik) dan adalah menjadi tanggungjawab Pengurus Pasukan untuk mengambil tindakan yang sapatutnya.

14.0 BANTAHAN / RAYUAN

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 15, 16, 17).

15.0 SIJIL DAN HADIAH

15.1 Sijil Penyertaan akan disediakan oleh MASUM dan akan diberi kepada semua peserta.

15.2 Hadiah akan diberikan kepada pemenang seperti berikut:-

Johan	:	Piala, medal individu dan Sijil
Naib Johan	:	Medal individu dan Sijil
Tempat ketiga	:	Medal individu dan Sijil

15.3 Piala Pusingan

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 20, 21)

16.0 PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 23).